

## **Strategi daya tindak remaja sekolah dan hubungannya dengan kemurungan**

### **ABSTRAK**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk meneroka jenis strategi daya tindak untuk mengatasi halangan harian dan kemurungan yang diamalkan oleh pelajar sekolah menengah di Sabah. Secara khusus, kajian tinjauan ini dijalankan untuk 1) membandingkan jenis strategi daya tindak dan kemurungan berdasarkan jantina dan tahap pendidikan pelajar, 2) hubungan antara jenis strategi daya tindak dan tahap kemurungan. Seramai 2746 pelajar berumur antara 13 hingga 19 tahun daripada 18 sekolah menengah di Sabah telah dipilih sebagai responden. The Adolescent Coping Scale (ACS) (1993) digunakan untuk mengukur strategi daya tindak pelajar dan Indeks Kemurungan Beck-II (BDI-II) (1996) adalah untuk mengukur tahap kemurungan pelajar. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai) manakala ujian-t sampel bebas dan Korelasi Pearson digunakan untuk menguji statistik inferensi. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam jenis strategi daya tindak antara jantina dan tahap pendidikan (iaitu menengah rendah dan menengah atas). Keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara daya tindak strategi dengan tahap kemurungan pelajar. Oleh itu, beberapa implikasi dan cadangan adalah diketengahkan dalam kertas kerja ini.